


UTUSAN MALAYSIA

DATE: 3/6/2008



ABDULLAH Ahmad Badawi bersalaman dengan Hifikepunye Pohamba di Perdana Putra, Putrajaya, semalam.

Tangani kenaikan harga minyak

Oleh ARSHAD KHAN

KUALA LUMPUR 2 Jun - Kenaikan harga minyak dan barangan terutama makanan di peringkat global memerlukan langkah penyelesaian segera, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Perdana Menteri berkata, kenaikan harga di luar jangkaan itu juga memerlukan satu kaedah penyelesaian berterusan supaya kesan negatifnya ke atas masyarakat dapat dikurangkan.

"Penyelesaian bukan sahaja perlu bersifat tempatan tetapi hendaklah terbuka untuk memungkinkannya ia juga dimanfaatkan oleh rakyat di negara lain memandangkan kenaikan minyak dan barangan adalah fenomena global," katanya.

Beliau berkata demikian ketika

berucap pada majlis jamuan makan tengah hari di sini hari ini bagi meraikan lawatan rasmi Presiden Republik Namibia, Hifikepunye Pohamba ke negara ini.

Menurut Abdullah, salah satu bidang yang dilihat sebagai berkesan untuk mengatasi kenaikan harga ialah penumpuan kepada bidang pertanian.

"Kita perlu bekerjasama secara lebih aktif dan bertenaga dalam bidang pertanian terutama mengeksploitasi sepenuhnya potensi yang wujud untuk menambah penghasilan makanan," katanya.

Dalam hubungan ini, katanya, Malaysia bersedia untuk membantu Namibia memperkukuhkan bidang ekonomi dan modal insan negara itu.

Katanya, Program Bantuan Teknikal Malaysia akan digunakan bagi membantu negara Afrika itu dalam aspek berkenaan

yang secara langsung dapat membantu membasmi kemiskinan di negara tersebut.

"Kita tahu sumbangan kita mungkin sederhana tetapi kita berjanji membantu membina individu dan institusi di Namibia," katanya.

Beliau menambah, kedua-dua negara juga boleh bekerjasama meningkatkan hubungan dagangan dan pelaburan bersama dalam pelbagai bidang.

"Saya yakin kaedah ini juga dapat membantu kita berhadapan dengan masalah kenaikan harga minyak dan barangan," katanya.

Sementara itu, Hifikepunye dalam ucapannya berkata, pihaknya sangat menghargai hubungan baik yang wujud antara kedua-dua negara.

"Diharap hubungan ini dapat diperluaskan terutama dalam bidang kerjasama ekonomi," katanya.